



10 SEP, 2024

Rokok UAE seludup dirampas

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Rokok UAE seludup dirampas

BENTONG – Rokok berasal dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE) menjadi antara rokok seludup dengan nilai RM1.2 juta termasuk duti yang dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam satu serbuan di kawasan Taman Perindustrian Tanjung Minyak Perdana di Melaka.

Rokok jenama UR dan D&J yang dikatakan untuk pasaran Jerman itu merupakan rokok berkualiti dengan dilengkapi butang *switch* yang boleh ditekan untuk menikmati rasa lebih segar semasa menghisap rokok.

Pengarah Kastam Negeri Pahang, Mohd Asri Seman berkata, serbuan hasil maklumat awam pada pukul 10.30 malam 27 Ogos lalu itu melibatkan nilai rampasan keseluruhan 1,812,000 batang rokok dan sebuah lori dengan nilai kira-kira RM1.5 juta.



MOHD. ASRI (dua dari kanan) menunjukkan rokok dipercayai daripada UAE yang dirampas ketika sidang akhbar di Bentong semalam.

“Hasil pemeriksaan yang dilakukan di dalam premis berjaya menemukan rokok pelbagai jenama yang disyaki tidak berkastam dan sebuah lori bermuatan rokok di dalam premis berkenaan.

Katanya, berdasarkan siasatan awal pihaknya percaya

rokok-rokok berkenaan berasal dari UAE, Indonesia dan Vietnam untuk pasaran di sekitar Melaka.

Beliau memberitahu pada masa ini pihaknya juga masih menyiasat rangkaian sindiket berkenaan dan tempoh operasi sindiket tersebut.



10 SEP, 2024

Rokok UAE seludup dirampas

Kosmo, Malaysia



SUMMARIES

BENTONG - Rokok berasal dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE) menjadi antara rokok seludup dengan nilai RM1.2 juta termasuk duti yang dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam satu serbuan di kawasan Taman Perindustrian Tanjung Minyak Perdana di Melaka. Rokok jenama UR dan D&J yang dikatakan untuk pasaran Jerman itu merupakan rokok berkualiti dengan dilengkapi butang switch yang boleh ditekan untuk menikmati rasa lebih segar semasa menghisap rokok.